

12/03/1997

Rooivalk: Kementerian tunggu keputusan

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Pertahanan menunggu kata putus daripada kerajaan berhubung persetujuan pembelian Helikopter Rooivalk daripada Afrika Selatan, kata Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar.

Menurutnya, kementerian masih belum diberitahu mengenai pembelian pesawat itu daripada Afrika Selatan dan beliau masih menunggu keputusan muktamad daripada kerajaan.

Beliau mengulas laporan sebuah agensi berita mengenai Presiden Afrika Selatan yang dijangka mengumumkan penjualan helikopter gempur jenis Rooivalk kepada Malaysia.

"Perkara ini (penjualan pesawat Rooivalk) sudah dibincang beberapa kali dan mereka (Afrika Selatan) ada membuat tawaran untuk menjualnya. Terpulanglah pada kerajaan untuk membuat keputusan muktamad," katanya selepas merasmikan Bengkel Latihan Kepada Pelatih-Forum Negara Asean di sebuah hotel di sini, hari ini.

Menurutnya, dalam lawatan Mandela di sini, Presiden itu ada membuat cadangan untuk menjual Rooivalk serta mengadakan beberapa kemudahan di negara ini.

"Mereka berminat untuk menjualnya (Rooivalk) selepas Tentera Udara Afrika Selatan mencubanya.

"Dalam pertemuan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Mandela, Presiden Afrika Selatan itu ada menyebut mengenai perkara ini (penjualan Rooivalk).

Menurutnya, kementerian ada menandatangani memorandum persefahaman (MOU) dengan Afrika Selatan tahun lalu mengenai kerjasama pertahanan tetapi tidak membabitkan persetujuan untuk membeli pesawat tempur.

"MOU tahun lalu adalah mengenai keselamatan dan penyelidikan pertahanan dengan penubuhan satu jawatankuasa khas bukan untuk membeli peralatan tertentu," katanya.

Katanya, Kementerian ada menganalisis secara terperinci dan membuat perbandingan beberapa pesawat perang daripada beberapa negara sebagai persediaan terhadap keputusan kerajaan untuk membelinya daripada mana-mana negara.

Syed Hamid berkata, kementerian membuat kajian mendalam dengan menganalisis kesesuaian penggunaan pesawat perang seperti Tiger Apache dan Panther. Bagaimanapun, pembeliannya adalah mengikut peruntukan kewangan dan persetujuan kerajaan.

Sementara itu, Syed Hamid berkata Kementerian Pertahanan juga sedang mengkaji untuk memiliki kapal selam walaupun kerajaan masih belum membuat keputusan untuk membelinya.

(END)